

**PENGOLAHAN PERSPEKTIF
DI DALAM CATAN BARAT DAN TIMUR
SUATU PERBANDINGAN**

**ISMAIL BIN SANUSI
87060923**

**DIP. IN ART & DESIGN (FINE ART)
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SESI 2 1990/91**

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENDAHULUAN	I
PENGHARGAAN	II
SENARAI GAMBARAJAH	III
SENARAI ILLUSTRASI	IV
SENARAI SISIPAN	V
SINOPSIS	VI
Tujuan	(i)
Kaedah 1	(ii)
Kaedah 2	(ii)
Keputusan	(ii & iii)
Kesimpulan	(iii)
BAB 1.0 : PENGENALAN	1 - 3
BAB 2.0 : DEFINASI PERSEKTIF SECARA UMUM	4 - 6
BAB 3.0 : SENI CATAN BARAT & TIMUR SEIMBAS LALU	

3.1	: SENI CATAN BARAT	7 - 9
3.2	: SENI CATAN TIMUR	9 - 13
BAB 4.0	: SEJARAH PERSPEKTIF DAN PERKEMBANGANNYA	14 - 20
BAB 5.0	: JENIS JENIS PERSPEKTIF	
5.1.0	: PERSPEKTIF LINEAR	23 - 24
5.1.1	: PERSPEKTIF SATU TITIK	25
5.1.2	: PERSPEKTIF DUA TITIK	26
5.1.3.	: PERSPEKTIF TIGA TITIK	27
5.2.0	: PERSPEKTIF SELARI/SELANJAR	28
5.2.1	: Aoxonometric Projection	29
5.2.2	: Isometric Projection	29
5.2.3	: Dimetric Projection	29
5.2.4	: Trimetric Projection	30
5.2.5	: Oblique Projection	30
5.2.6	: Planometric Projection	30
5.3.0	: PERSPEKTIF UDARA (ATMOSFERA)	33
5.4.0	: TINDANAN (OVERLAPPING)	34
5.5.0	: KEDUDUKAN SEBENAR DI ATAS SATAH GAMBAR	35
5.6.0	: PERSPEKTIF WARNA	35
5.7.0	: PERSPEKTIF PELBAGAI	36
BAB 6.0	: KAEDAH PERSEMAHAN PERSPEKTIF	
6.1.0	: PANDANGAN SUDUT TUNGGAL	38
6.1.1	: Pandangan Aras Mata (Eye Level)	38

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke Hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizininannya jua, dapat akhirnya saya menyiapkan tesis ini. Dengan ini juga ingin saya merakamkan jutaan terima kasih saya kepada bapa saya, yang dengan nasihat dan perangsangnya membuatkan saya cekal menghadapi sebarang kesulitan dan kemushkilan dalam pengajian saya. Juga kepada pensyarah penasihat saya, En. Ponirin Mohd. Amin, dari Jabatan Seni Halus, KSSR, yang komen dan cadangannya banyak membantu saya dalam memahami konsep kajian saya. Akhir sekali penghargaan saya kepada teman teman seperjuangan yang memberikan semangat dan keyakinan .

Sekali lagi, terima kasih yang tidak terhingga.

1.0 PENGENALAN

Dalam alam semulajadi, bentuk mengisi ruang. Bentuk adalah bersifat kekal, walaupun ruang yang diisinya mungkin berubah. Sebuah kiub tetap kelihatan sama tidak kira sama ada ia berada di atas meja ataupun tempat lain. Walaubagaimana pun ruang bukanlah setakat isipadu yang diisi oleh sesebuah bentuk itu sahaja, malah jarak di antara bentuk-bentuk itu juga boleh dianggap sebagai ruang. Ada bentuk-bentuk tertentu yang boleh diamati sebagai berada di depan bentuk yang lain. Bentuk-bentuk ini boleh sebagai berdekatan di antara satu sama lain ataupun terpisah. Satu bentuk mungkin berada di atas bentuk yang lain ataupun mungkin juga dibawahnya.

Bagaimanakah untuk menggambarkan bentuk-bentuk di dalam ruang seperti yang dinyatakan di atas ke atas permukaan 2-Dimensi? Apakah kaedah yang digunakan untuk mencapai maksud tersebut? Kaedah pengambaran objek dan ruang 3-Dimensi ke atas permukaan 2-Dimensi selalu dikaitkan dengan 'Perspektif'.

Namun begitu, imej mental yang terbentuk di fikiran tidak akan sepenuhnya sama dengan apa yang dilihat. Perspektif adalah bersifat 'holistik'. Ianya terdiri daripada segala maklumat yang kita ada tentang fenomena itu, bukan sekadar apa yang nyata pada pandangan mata.